

oleh: Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah  
Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Paksi Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tg. Malim, Perak.  
pustakahilmi@yahoo.com/pustakahilmi@gmail.com/pustakahilmi.blogspot.com

# Facebook



# Tandas Awam

**F**ACEBOOK IS THE PUBLIC TOILET", ITULAH UNGKAPAN YANG PERNAH SAYA BACA DARIPADA STATUS YANG DITULIS OLEH SALAH SEORANG RAKAN FACEBOOK (FB) SAHABAT SAYA. WALAUPUN SI PENULIS TIDAK MEMPERINCIKAN FRASA "PUBLIC TOILET", ATAU TANDAS AWAM YANG DIMAKSUDKAN, NAMUN BAGI MEREKA YANG AKTIF DALAM LAMAN SOSIAL YANG PALING HANGAT ITU PASTINYA SUDAH BOLEH MENDUGA APA YANG BERMAIN-MAIN DALAM KOTAK FIKIRAN SI PENULIS. SEPERTI BIASA, BERBAGAI-BAGAI RAGAM KOMEN YANG BOLEH KITA BACA SAMA ADA PRO, KONTRA, INFORMASI, KOMEDI, KRITIK, PERLI, ATAU NASIHAT, DAN SEBAGAINYA.

Tandas bermaksud tempat membuang najis, samâ ada air kencing, atau air besar. Tandas awam pula bermaksud tempat membuang najis di premis awam yang dibuka kepada semua orang tanpa sebarang pengecualian, atau eksklusif untuk mana-mana pihak tertentu sahaja. Pada kebiasaannya, khususnya dalam konteks budaya di negara ini, tandas awam merujuk pada suatu tempat yang kotor, busuk, hanyir, dan menjijikkan, serta memualkan. Pendek kata, sebut sahaja tandas awam, semua persepsi negatif berada di situ. Tidak ada suatu pun yang baik melainkan buruk belaka.

Oleh itu, bila FB dikaitkan dan dipalikkan sama dengan tandas awam, maka bolehlah kita katakan di sini bahawa FB adalah tempat untuk orang ramai menghamburkan kata cacian, memfitnah, memburuk-burukkan seseorang, membuka keaiban seseorang, atau pihak-pihak tertentu, mengkritik itu dan ini tanpa sebarang alasan yang munasabah, meluahkan rasa tidak puas hati secara emosional, mempertahankan hujah secara yang berlebih-lebihan, termasuk memperlekehkan pendapat pihak-pihak yang tidak sehaluan dengannya, banyak dan banyak lagi.

Persoalannya, adakah hal-hal seperti itu yang menjadi tujuan Mark Zuckerberg membina laman sosial yang paling berpengaruh ini? Jawapannya pasti tidak. Berdasarkan keterangan yang terpampang di muka hadapan laman tersebut, niat utama Mark Zuckerberg dan rakan-rakan beliau ialah menjadikan FB sebagai platform yang membolehkan semua manusia di seluruh dunia berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain, termasuk berkongsi perasaan, maklumat, idea, dan sebagainya. Pendek kata, tidak ada satu pun yang buruk melainkan baik belaka.

Oleh itu, apa yang berlaku dan berleluasa sekarang ini, termasuk perang siber yang memuncak ketika kempen Pilihan raya Umum (PRU) Ke-13 yang lalu bolehlah dikategorikan sebagai penyalahgunaan media baru, khususnya laman-laman sosial dalam kehidupan pasca modenisasi hari ini, atau kegagalan sesetengah pihak menggunakan kemudahan di alam maya untuk kebaikan diri, keluarga, masyarakat, agama, dan


negara. Penyalahgunaan bermaksud sengaja melakukan sesuatu yang salah demi mencapai tujuan yang tertentu, atau demi kepentingan yang tertentu.

Manakala, kegagalan pula bermaksud ketidaktepatan seseorang menggunakan kemudahan yang ada dengan cara yang terbaik dan berfaedah, sama ada untuk diri sendiri dan juga orang lain. Kedua-dua bentuk penggunaan FB inilah yang telah menjadikan laman sosial tersebut seolah-olah seperti tandas awam yang dipenuhi dengan status-status sampah yang tidak dan kurang berfaedah, iaitu status yang tidak menambahkan ilmu pengetahuan, tidak membina daya fikir yang sihat dan matang, tidak menggalakkan percambahan ilmu yang sihat, dan sebagainya.

Kalau tidak percaya, bukalah FB sekarang. Anda akan lihat betapa banyaknya status seperti ini ditulis: "Boring la, malas nak buat kerja, tidur lagi baik", "Geram sungguh aku tadi, kereta kat depan bawa macam siput babi", "Kalau dah namanya pensusyarah Haji Bakhlil, nak minta klu soalan exam pun tak bagi", "Tak tahu nak makan apa tengahari ni", banyak dan banyak lagi status yang membazir masa seperti. Ini belum lagi mengambil kira status yang sengaja ditulis bagi menyebarkan berita fitnah seperti yang banyak berlaku semasa kempen PRU yang lalu.

Status-status seperti inilah yang menyebabkan sesetengah pihak berasa mual, marah, geram, sakit hati, kecewa, bosan, dan sebagainya bila setiap kali melihat dan membaca status pada wall FB mereka, termasuk apabila membaca komen-komen yang diberikan oleh rakan-rakan FB yang lain. Natiujahnya, ada antara mereka yang mengambil keputusan untuk tidak aktif dalam FB. Malah ada yang bertindak lebih jauh lagi dengan terus menekan butang *unfriend*.

# facebook



terhadap mana-mana rakan FB yang dilihat tidak sehaluan pendapat dengannya, atau selalu menyakitkan hatinya.

## Kedai kopi siber

Walaupun bagaimanapun, sebelum kita menghukum para penulis status dan komen sampah dalam FB ini sebagai golongan yang mengotorkan FB, kita hendaklah terlebih dahulu memahami tujuan golongan ini bersosial dalam FB. Bagi mereka yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat, golongan ini mempunyai banyak saluran, atau platform untuk menyampaikan pendapat mereka kepada khalayak, seperti ceramah, kuliah Maghrib, kolum dalam akhbar, dan majalah, forum, seminar, ucapan perasmian, sidang akhbar, temu ramah, mesyuarat, dan sebagainya.

Namun bagi rakyat biasa, saluran yang ada bagi mereka amat terhad. Oleh itu, laman-laman sosial adalah alternatif terbaik bagi golongan kebanyakan ini untuk meluahkan pendapat, perasaan, emosi, harapan, cita-cita, dan sebagainya dengan rakan-rakan siber yang lain. Pendek kata, laman sosial seumpama FB adalah kedai kopi siberi bagi generasi hari ini. Maka, tidak peliklah jika kita dapati sebahagian besar pengguna aktif FB terdiri daripada golongan

muda yang masih mentah dalam ilmu pengetahuan, pengalaman, kemahiran berkomunikasi, dan sebagainya.

Sehubungan itu, jika kita merasakan bahawa kita termasuk dalam kalangan cendekiawan, maka bantulah golongan yang berada setapak di bawah kita ini melalui nasihat yang baik, teguran yang berikhmah, kritikan yang membina, tunjuk ajar yang berkesan, bimbingan yang menyenangkan, dan sebagainya. Jangan kerana ego yang tinggi, kita hanya mencebik bibir tatkala membaca status dan komen yang mereka tulis, termasuk hanya bersedia

berkawan dengan individu yang sama taraf dan aliran pemikiran dengan kita sahaja dalam alam maya siber.

Lebih teruk dari itu lagi jika kita seolah-olah bertindak ala samseng dalam FB apabila kita dilihat hanya mahu mengagak pendapat kita tanpa berlapang dada dengan pendapat orang lain. Malah turut membodohkan dan memperli pihak-pihak yang terbabit. Dalam hal ini, sama ada di alam nyata, mahu pun dalam maya, sifat saling menghormati dan menghormati diperlukan dalam cara kita berkomunikasi antara satu sama lain. Hal ini memandangkan individu yang kita benci pada hari ini boleh jadi akan menjadi sahabat baik kita pada masa hadapan, dan begitulah juga sebaliknya.

Oleh itu, sebelum kita bertindak melulu dalam dunia siber, termasuk FB, sama-samalah kita bermuhasabah dengan merenung dan menghayati firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat yang ke-216 yang bermaksud, "*Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya*".